



Konsep Rahmah akan diperluas ke sektor perbankan, insurans

Mohd Roji Kawi
mdroji@bh.com.my

Kuching: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dijangka memperluaskan konsep 'Rahmah' kepada sektor perbankan dan insurans dalam usaha untuk meringankan beban yang ditanggung rakyat.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, beliau akan mengadakan perjumpaan dan membuat sesi libat urus dengan pemain dua sektor berkenaan dalam masa terdekat.

"Memang ada cadangan ke arah itu (memperluaskan konsep Rahmah ke sektor lain) selepas kita memperkenalkan konsep ini dalam sektor makanan.

"Saya akan mengadakan sesi libat urus dengan pihak bank dan insurans untuk mengenal pasti apa pakej yang boleh mereka tawarkan untuk membantu meringankan beban rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Pelancaran Inisiatif Pengumpulan Barangan Pakej Rahmah di Everise Metro City, Matang, di sini, hari ini.

Salahuddin berkata, antara yang dijangka akan dibincangkan ialah caj RM1 yang dikenakan terhadap pengguna yang mengeluarkan wang di mesin juruwang automatik (ATM) bank lain.

Sementara itu, Salahuddin berkata, kerajaan tidak menawarkan inisiatif khusus kepada peniaga yang menawarkan menu Rahmah selain membantu mempromosikan perniagaan mereka.

"Konsep Rahmah itu sebenarnya tidak membabitkan satu sen pun wang kerajaan kerana apa yang kita laksanakan ini adalah dalam situasi menang-menang.

"Apabila peniaga itu menyertai konsep menu atau pakej Rahmah, KPDN dan media akan memberikan mereka promosi percuma yang pastinya akan menguntungkan peniaga manakala rakyat pula mendapat barangan pada harga murah," katanya.

Selain itu katanya, KPDN akan membantu memudahkan peniaga menyelesaikan permasalahan yang mereka hadapi untuk memastikan kelancaran operasi perniagaan.

"Sebagai contoh, pengusaha restoran yang menyertai konsep Rahmah itu menghadapi masalah kekurangan pekerja asing.

"Dalam hal ini, KPDN boleh membantu memudah cara kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) supaya peniaga terbabit diberikan tenaga kerja yang mencukupi," katanya.

Mengenai Pakej Rahmah yang dilancarkannya, Salahuddin berkata, rakyat dapat membeli barang keperluan harian pada harga murah sehingga RM10 berbanding harga biasa.

Menurutnya Pakej Rahmah itu menawarkan pelbagai barang keperluan pada harga antara RM30 hingga RM70.

"Pakej Rahmah ini kita dijayakan dengan kerjasama pemain industri peruncitan bagi meringankan lagi kos sara hidup rakyat," katanya.

Disiarkan pada: Februari 18, 2023 @ 4:52pm